



MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZDDIN SHAH

KERTAS KERJA

ISLAM DAN PERUNDANGAN KE ARAH WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

TARIKH

24 DAN 25 FEBRUARI 2020

TEMPAT

CASUARINA CONVENTION CENTRE
CASUARINA@MERU, BANDAR MERU RAYA
IPOH, PERAK.

Disediakan Oleh

Dato Haji Zainul Rijal Abu Bakar



DATO' HAJI ZAINUL RIJAL ABU BAKAR
LL.B (Hons) (UIAM) LL.M (UKM) DLSA (UiTM)
Adv Cert of Mediation (Aus), MMIArb,
Pesuruhjaya Sumpah,
Superintendent (Kehormat)
Polis DiRaja Malaysia,
Professor Andjung Undang-Undang
(Multimedia University)

BIODATA

No. K/P : 690131-08-5165

Jawatan : Rakan Kongsi Kanan Tetuan Zainul Rijal Talha & Amir

Alamat : No.15-5, Jalan USJ 9/5Q, Subang Business Centre, 47620
UEP Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tarikh : 31hb Januari 1969

Tempat Lahir : Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan

Umur : 51 tahun

Taraf Perkahwinan : Berkahwin (6 orang anak)

Isteri : Datin Hajjah Norliza Binti Tarmizi

Alamat Rumah : No. 6, Jalan BPP 2/6, Bandar Putra Permai, 43300 Seri
Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

No. Talipon : 019-2351555

B) :: PENDIDIKAN AWAL::

- a) Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris)
Horley Methodist, Teluk Intan, Perak Darul Ridzuan
- b) Sekolah Izzudin Shah, Ipoh, Perak Darul Ridzuan
- c) Kolej Islam Klang, Selangor Darul Ehsan

C) :: KELULUSAN::

- a) Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) (Kepujian)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- b) Sarjana Undang-Undang (LL.M)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- c) Diploma Lanjutan Syariah & Amalan (DLSA)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- d) Advance Certificate in Mediation (Australia)

D) :: ANUGERAH::

- a) Ahli Mangku Negara (2007)
- b) Dato' Paduka Mahkota Perak (2011)
- c) Professor Andjung (MultiMedia University) (February, 2012)
- d) Supperintendent (Kerhormat) Polis DiRaja Malaysia (Disember 2012)

E) :: PENGKHUSUSAN::

- a) Undang-Undang Keluarga Islam
- b) Undang-Undang Tatacara Mal
- c) Konflik Bidangkuasa
- d) Perbankan dan Muamalat
- e) Perantaraan (Mediation)

F) :: PROFESYEN::

- a) Peguambela & Peguamcara (Malaya)
- b) Peguam Syarie
(Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah, Johor, Melaka, Kelantan, Kedah, Brunei).

- c) Mediator
- d) Arbitrator
- e) Pesuruhjaya Sumpah

PERINGKAT ANTARABANGSA

NO	PENGLIBATAN	ANJURAN
1	Panel Rujukan Penubuhan Mahkamah Syariah di Thailand	Universiti Islam Yala, Thailand
2	Panel Dialog dengan Aktivist Islam Australia	Pesuruhjaya Tinggi Australia di Malaysia
3	Ketua Jurulatih Kursus Mediasi Pegawai Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	Accord Group Australia
4	Pengasas Kelab Peguam Muda Malaysia Jordan	Education Malaysia Jordan
5	Pengasas Kelab Peguam Muda Malaysia Mesir	Education Malaysia Egypt

PERINGKAT KEBANGSAAN

NO	PENGLIBATAN	ANJURAN
1	Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia	Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia
2	Ahli Panel dan Pakar Rujuk Komuniti Syariah	Jabatan Peguam Negara Malaysia
3	Ahli Lembaga Pengajian LLM. Pentadbiran Undang-Undang Islam	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

4	Ahli Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
5	Ahli Jawatankuasa Arahan Amalan	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
6	AJK Kaedah Manual	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
7	Ahli Malaysia Institute Arbitrators	Malaysian Institute Of Arbitrators
8	Panel Mediator	Majlis Peguam
9	Ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syariah dan Sivill	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
10	Pakar Rujuk Syariah	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga & Masyarakat
11	Pengerusi Tribunal Siasatan Peguam Malaysia	Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam Malaysia
12	Pengerusi Mengkaji Akta Guaman Syarie Malaysia	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
13	Penceramah Jemputan Undang-Undang dan Prosedur	Biro Bantuan Guaman Malaysia (JKSM)
14	Panel Pembentukan Standard dan Kreteria Bidang Undang-Undang & Syariah	Lembaga Akreditasi Negara (MQA)
15	Penasihat Syariah, Jawatankuasa Semakan Amanah (Trust Review Committee)	Amanahraya Berhad
16	Setiausaha Agong	Peguam Pembela Islam
17	Ahli Jawatankuasa	Alumni Kolej Islam (ALKIS)
18	Ahli Pakar Perbincangan Tertutup Pakar Undang-Undang Acara dan Kekeluargaan Islam	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

19	Pakar Rujuk Dialog Antara Penganut Agama	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.
20	Ahli Majlis Perundingan Islam	Jabatan Perdana Menteri
21	Jawatankuasa Pepandu Penubuhan Gabungan NGO Islam	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
22	Ahli Jawatankuasa Bersama Peguam Syarie dan Peguam Sivill	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
23	Ahli Jawatankuasa Kerja Bahagian Sokongan Keluarga (BSK)	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
24	Ahli Jawatankuasa Kearah Mencapai Dasar Sekurang-kurangnya 30% Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
25	Ahli Jawatankuasa Peguam Sivill/ Syariah Kebangsaan	Jabatan Perdana Menteri
26	Ahli Jawatankuasa Induk Kaedah KSN/MSN	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
27	Ahli Majlis Penasihat Fakulti Undang-Undang	Universiti Kebangsaan Malaysia
28	Ahli Panel Pemikir Fatwa (Undang-Undang)	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
29	Ahli Panel Isu-Isu Semasa Wanita Islam (PISWI)	Jabatan Perdana Menteri
30	Ahli Bersekutu Perbadanan Produktiviti Malaysia	Perbadanan Produktiviti Malaysia
31	Panel Penasihat Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)	Universiti Sains Islam Malaysia
32	Ahli Jawatankuasa Meneliti dan Mengkaji Perkembangan Kes Harta Wakaf dan Pusaka Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

PERINGKAT NEGERI

NO	PENGLIBATAN	ANJURAN
1	Ahli Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah	Jab. Kehakiman Syariah Selangor.
2	Ahli Jawatankuasa Kaedah Mahkamah Syariah	Jab. Kehakiman Syariah Wilayah Persekutuan.
3	Ahli Jawatankuasa Undang-Undang	Majlis Agama Wilayah Persekutuan
4	Ahli Jawatankuasa Pemilihan Peguam Syarie	Jabatan Kehakiman Syariah Perak.
5	Ahli Jawatankuasa Syariah	Jawatankuasa Peguam Selangor
6	Ahli Jawatankuasa Undang-Undang MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
7	Ahli Jawatankuasa Hakam	Majlis Agama Islam Selangor
8	Ahli Jawatankuasa Mengkaji Undang-Undang Berkaitan Keluar Islam	Jabatan Mufti Negeri Sembilan

ISLAM DAN PERUNDANGAN KE ARAH WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030¹

Dato Haji Zainul Rijal Abu Bakar²

Pengenalan

Islam mempunyai kedudukannya yang istimewa dalam sistem politik dan perundangan di Malaysia. Ia merupakan teras kepada pembentukan jati diri kebangsaan yang berpaksikan kepada peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Jati diri kebangsaan ini bukan hanya tiba-tiba muncul pada saat Negara mencapai kemerdekaan malah sebelum kedatangan penjajah lagi jati diri ini menjadi lambang kebanggaan rakyat. Jati diri ini juga tidak diusik oleh penjajah secara langsung walaupun beratus tahun mereka mentadbir Negara.

Perjuangan mencapai kemerdekaan oleh anak watan juga sebenarnya bagi mempertahankan aqidah umat Islam serta melindungi institusi beraja Malaysia. Ini dapat dilihat daripada perlembagaan-perlembagaan awal negeri-negeri yang menzahirkan tradisi beraja ini. Perlembagaan negeri-negeri juga memperuntukan Islam sebagai agama negeri³ kecuali Sarawak yang hanya memperuntukan Yang Di Pertuan Agong adalah ketua bagi Agama Islam di dalam negeri dan Dewan Undangan Negeri boleh membuat undang-undang dan peraturan berkaitan hal ehwal Islam.⁴ Institusi Kesultanan Melayu adalah proses asimilasi antara tradisi beragama yang berakar umbi dari *Khilafah Islamiyah*. Sultan sendiri tidak diberi pengecualian dari undang-undang Islam.⁵ Berbanding dengan zaman pra Islam, raja-raja Melayu digelar Dewa Raja serta dianggap sebagai jelmaan Tuhan di bumi. Bagaimanapun kemunculan Islam telah

¹ Dibentangkan di Muzakarah Sultan Nazrin Muizzudin Shah anjuran Jabatan Mufti Negeri Perak pada 25 Februari 2020.

² Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM)

³ Johor (Perkara 57), Kedah (Perkara 33A), Kelantan (Perkara 5), Melaka (Perkara 4A), Negeri Sembilan (Perkara 5), Pahang (Perkara 23), Pulau Pinang (Perkara 5), Perak (Perkara 5), Perlis (Perkara 5), Sabah (Perkara 5A), Selangor (Perkara 47), Terengganu (Perkara 3).

⁴ Perkara 4A Perlembagaan Negeri Sarawak.

⁵ Ahmad Ibrahim, *The Position of Islam in the Constitution, The Constitution of Malaysia: Its Development 1957-1977*, t.tp, Oxford University Press, 1979, hlm.47.

berubah konsep tersebut menjadi '*payung dan tombak Allah*' di muka bumi ini iaitu suatu mandate penting sebagai pewaris *khulafa*' Rasulullah SAW.⁶

Peranan Institusi Beraja Melayu

Keunikan Institusi Raja-Raja Melayu ialah di dalam peranannya yang istimewa seperti berikut:⁷

- 1- Raja sebagai tonggak Bangsa Melayu dapat menaungi serta memenuhi kehendak fitrah bangsanya yang memerlukan identiti, jati diri dan budaya tersendiri yang unik dengan coraknya masing-masing;
- 2- Raja sebagai tonggak dan ketua Agama Islam atas kerajaan, baginda dapat membataskan berbagai mazhab dan aliran pemikiran supaya sentiasa terbandung dalam pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*;
- 3- Raja sebagai 'bapa' dapat menyatupadukan rakyat dari berbagai aliran kefahaman politik serta membataskan pergerakan siasah mereka supaya sentiasa terbandung dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syariat dengan bimbingan Mufti;
- 4- Raja sebagai 'bapa' dapat mengambil sikap berkecuali dalam menangani masalah yang datang dari mana-mana pihak ataupun gerakan serta mengawalinya dari sebarang tindak tanduk yang boleh mengugat kepentingan Bangsa melayu dan Agama Islam;
- 5- Raja sebagai Ketua Pemerintah dapat bersikap tegas, telus dan tulus dalam pemerintahannya kerana tidak perlu mencari kepentingan peribadi atau politik sukunya;
- 6- Raja sebagai penaung kepada kaum-kaum lain dari berbagai agama dapat menjaga kepentingan mereka tanpa perlu membuat sebarang jual beli politik yang boleh mengugat kepentingan Bangsa Melayu dan Agama Islam;
- 7- Raja sebagai Ketua Pemerintah dapat duduk semeja dengan ketua-ketua Negara lain tanpa perlu membuat sebarang jual beli politik untuk kepentingan peribadi politik atau gerakan sukunya.

⁶ Suzana Othman, *Ketuanan Islam Pertuanan Raja-Raja Melayu*, Kuala Lumpur, Intan Spektra, 2008 hlm.39.

⁷ Suzana Othman, *Menjejak Warisan Melayu Islam Beraja*, Kuala Lumpur, Intan Spektra, 2008, hlm.39.

Dalam hal yang di atas sebenarnya kedudukan unik yang ada pada Raja-Raja Melayu sebenarnya mampu menyatupadukan rakyat jelata bukan sahaja dari berbagai aliran, gerakan, mazhab ataupun kefahaman politik malahan boleh juga menyatupadukan kaum-kaum lain serta menjaga kepentingan-kepentingan mereka dalam batasan yang dibenarkan oleh hukum syariat dan adat Bangsa Melayu.

Peranan Sejarah

Kewujudan sesebuah Negara itu mesti didasari oleh hakikat sejarah. Dalam konteks Negara Malaysia, sejarah Negara ini tidaklah bermakna sejarah yang bermula pada tahun 1957 tatkala Negara mencapai kemerdekaan sahaja tetapi menjangkau sebelum zaman penjajahan Portugis lagi. Ramai yang tersilap apabila membincangkan kedudukan Negara dalam kerangka hari ni sahaja atau hanya merujuk kepada sejarah setakat tarikh kemerdekaan Negara sahaja. Jika sedemikian, sudah tentu jawapan yang tepat berkaitan dengan jati diri kebangsaan tidak dapat dicari sekiranya pencarian itu terhenti setakat 31 Ogos 1957 sahaja. Susur galur sejarah ini seharusnya menjadi panduan kepada semua warganegara dan disemat di dalam diri masing-masing. Proses pemeraksanaan Negara hanya akan dapat dijalankan sekiranya kita memperkasa sejarah, melupai sejarah hanya akan meruntuhkan jati diri dan perpaduan Negara.

Undang-undang pula, khususnya Perlembagaan Persekutuan tidak pernah mengabaikan sejarah. Itulah sebabnya dalam Laporan Suruhanjaya Reid yang diketuai oleh Lord Reid, faktor sejarah amat diambil kira. Malah Suruhanjaya Reid dengan tegas enggan mengubah apa yang telah pun dilaksanakan di Tanah Melayu ketika itu. Dengan itu, tergubal lah suatu Perlembagaan Persekutuan yang didasari oleh nilai-nilai sejarah. Banyak peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan tersebut yang mengesahkan elemen-elemen sejarah. Keabsahan sejarah di dalam Perlembagaan Persekutuan dapat dilihat apabila kedudukan Islam, keistimewaan Raja-raja Melayu dan ketuanan Melayu menjadi teras kepada Perlembagaan Persekutuan. Malah hak Sabah dan Sarawak yang menyertai Malaysia kemudiannya terus diabadikan di dalam sejarah dan dihormati sehingga kini.

Amat jelaslah di sini kita tidak boleh lari dari merujuk kepada aspek sejarah apabila sesuatu perkara berlaku. Sememangnya terdapat pelbagai pendapat bahawa mengambil kira sejarah silam hanya membawa kita mundur, jumud dan tidak selari dengan perkembangan zaman yang berubah. Namun hakikatnya, sejarah seharusnya menjadi parameter kepada setiap rakyat dalam menangani sebarang persoalan pada masa kini. Mengabaikan sejarah bermakna mengetepikan jati diri dan memberi peluang kepada kekusaran dan kegelisahan di kalangan rakyat. Mengingati faktor sejarah sebenarnya mengingatkan kita kepada yang hak dan menjauhkan kepada kebatilan. Ia tidak akan menjurus rakyat kepada perpecahan sekiranya semua warganegara menghormati sejarah.

Sebenarnya ketegangan kaum dicetuskan oleh orang yang mengabaikan sejarah dan bukannya orang mengabaikan sejarah sebagai panduan. Apakah kita lebih mudah menerima budaya asing dan mengimportnya sebagai amalan Negara dan mengesampingkan sejarah Negara? Amatlah tidak masuk akal perkara sebegini boleh berlaku di dalam sebuah Negara yang memiliki pelbagai warisan sejarah seperti Malaysia. Hakikatnya kepentingan sejarah ini perlulah disemai di dalam hati setiap warganegara. Pada masa ini kesedaran tentang kepentingan ini amat pudar dari sanubari rakyat Malaysia. Sejarah membawa kita ke hadapan. Menoleh ke belakang melihat apa yang telah berlaku di dalam lipatan sejarah bukanlah bermakna kita mundur ke belakang tetapi ia menjadi bekalan kepada kita untuk melangkah lebih jauh ke hadapan dengan bekalan dan pedoman yang ada pada kita.

Perbezaan faktor kaum, agama dan budaya tidak sepatutnya menjadi batu penghalang dalam usaha melahirkan masyarakat yang harmoni. Keadaan ini boleh disuburkan dengan mengamalkan sikap saling hormat-menghormati, memahami dan tolenrasi serta disulami dengan kesedaran atas apa yang berlaku atau apa yang dinamakan sebagai sejarah.

Keunikan Malaysia sebenarnya digilap dari sejarahnya yang berwarna warni. Keharmonian Malaysia hasil dari semangat tolenrasi dan saling menghormati antara satu sama lain berasaskan sejarah kepada negara. Justeru, pembangunan negara tidak harus meminggirkan nilai sejarah yang berbentuk jati diri kebangsaan itu. Walaupun sejak kebelakangan ini sejarah sudah mula ditanggalkan dari pakain seharian kita,

sudah sampai masanya kita meletakkan kembali sejarah di tempat yang sewajarnya. Hanya dengan cara itu kita akan mampu mara ke hadapan dengan lebih maju dan tidak goyah di tengah jalan. Mempersoalkan sejarah samalah seperti mempertikaikan jati diri kita sendiri yang hanya akan mendatangkan kecelaruhan di dalam mencari identiti Negara.

Sejarah Undang-Undang Islam

Sebelum kedatangan penjajah, Negara kita yang dipanggil Tanah Melayu telah melaksanakan undang-undang Islam dalam urusan kehidupan seharian. Mereka mengadili kes di hadapan Sultan, pemerintah kawasan dan sebagainya berdasarkan undang-undang Islam dalam semua urusan termasuklah hal ehwal kekeluargaan, muamalat dan juga jenayah. Catatan bertulis berkenaan hukum dan peraturan Islam dalam beberapa tulisan seperti undang-undang 99 Perak, Hukum kanun Melaka dan lain-lain menjadi bukti bahawa wujudnya peruntukan undang-undang Islam. Ini dapat dilihat umpamanya di dalam Undang-Undang 99 Perak dan Kanun Melaka kebanyakannya undang-undangannya adalah berteraskan Islam.

Apabila Inggeris datang ke Tanah Melayu, mereka telah mengetahui dan menyedari bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang yang diterima pakai dan dilaksanakan disini. Jika kita merujuk kepada kes-kes yang berlaku dan diputuskan di Mahkamah, hakim Inggeris yang bertugas di Tanah Melayu ketika itu tidak menafikan kedudukan undang-undang asal yang dilaksanakan. Contohnya dalam satu kes iaitu *Ramah v. Laton*⁸ yang diputuskan pada tahun 1927, mahkamah telah memutuskan bahawa Undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing tetapi ia merupakan undang asal yang wujud dan diterima pakai serta dilaksanakan di Tanah Melayu. Baru-baru ini pada 13 Febuari 2020 dalam kes 'Bin Abdullah'⁹, Mahkamah Persekutuan telah memetik kes *Ramah v Laton* tersebut dan mengesahkan undang-undang Islam adalah undang-undang tempatan yang perlu diberikan perhatian.

Selepas Inggeris menduduki Tanah Melayu, pihak Inggeris dan Raja-Raja Melayu telah memeterai beberapa perjanjian atau dipanggil triti. Dalam triti tersebut,

⁸ [1927] 6FMSLR 128

⁹ Mahkamah Persekutuan Rayuan Sivil No 01(f)43-09/2017(W)

diletakan syarat bahawa Residen Inggeris dibenarkan datang dan memberi bantuan kepakaran dalam mentadbir urusan Negara kepada pihak sultan. Namun begitu Residen tidak akan mencampuri urusan pentadbiran agama serta pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu.¹⁰

Pada ketika itu urusan undang-undang mula dibahagikan kepada aspek-aspek yang terpisah. Undang-undang muamalat atau transaksi dianggap urusan keduniaan yang tidak berkait dengan Islam. Begitu juga urusan undang-undang jenayah dan sebagainya. Akhirnya yang dianggap urusan agama dan adat-istiadat hanya merujuk kepada urusan ibadah orang Islam dan juga urusan perkahwinan yang dipanggil *Personal Law* serta beberapa kesalahan yang melibatkan hukum agama yang khusus seperti tidak berpuasa dan sebagainya.¹¹

MB Hooker¹² menyatakan selepas memduduki Pulau Pinang pada tahun 1786, Inggeris telah berusaha bersungguh-sungguh membawa undang-undang mereka ke sini. Mereka menubuhkan mahkamah dan melantik hakim-hakim yang mahir dengan undang-undang Inggeris untuk bertugas dan mengadili kes-kes di Tanah Melayu. Perkara yang sama berlaku di Singapura dan di negeri Melaka.¹³

Inggeris juga memperkenalkan tiga piagam yang dipanggil *Charters of Justice* (Piagam Keadilan Pertama) pada tahun 1807, (Piagam Keadilan Kedua) pada tahun 1826 dan (Piagam Keadilan Ketiga) pada tahun 1885.¹⁴ Semua ini bertujuan untuk mengangkat taraf Undang-undang Inggeris dan secara tidak langsung menenggelamkan serta menyisihkan undang-undang Islam yang dulunya diamalkan sebagai *Lex Loci*.¹⁵

Campur tangan secara langsung terhadap urusan kekeluargaan orang Islam di Tanah Melayu juga telah berlaku pada tahun 1880. Inggeris telah memperkenalkan satu Ordinan yang dipanggil *Muhammedan Marriage Ordinance* (Ordinance no. 5 1880).

¹⁰ Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Pustaka, 1986, hlm. 49.

¹¹ Nurhidayah Hashim, *Perceraian Secara Fasakh di Malaysia*, Selangor, UPENA, 2006, hlm. 72.

¹² *Islamic Law in South East Asia*, t.tp, Oxford University Press, 1984.

¹³ Yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Selat.

¹⁴ Hooker, M.B., *The Personal Laws Of Malaysia*, t.tp, Oxford University Press, 1976, hlm. 19.

¹⁵ Bermaksud Undang-undang tempatan.

Ordinan ini digubal dengan tujuan untuk menetapkan sejauh mana Undang-undang Islam boleh diterima dan diiktiraf oleh mahkamah.

Dengan terlaksananya Ordinan ini juga, maka cita-cita dan usaha British untuk memisahkan di antara urusan sivil dan urusan keagamaan yang telah dirancang semenjak kedatangannya ke Tanah Melayu telah mual terzhahir dengan begitu jelas. Apa yang berlaku sebenarnya menunjukkan Inggeris telah campur tangan secara langsung atau tidak langsung terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan juga adat-istiadat Melayu.¹⁶

Dalam Ordinan ini, perkara mengenai pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam, pengiktirafan kepada kedudukan Kadi dan peraturan terhadap harta perempuan yang berkahwin telah diperuntukkan. Ordinan ini tersebut telah mengalami beberapa pindaan pada tahun 1894, 1902, 1908, 1909 dan juga pada tahun 1917. dalam pindaan tersebut, British telah membuat peruntukan yang menyentuh secara terbuka tentang Undang-undang Keluarga Islam. Ordinan ini dan pindaanya telah digubal kembali dan disebut Ordinan No. 26 tahun 1920 dan seterusnya dipinda lagi pada tahun 1923 dan 1934 sehingga akhirnya dimasukkan ke dalam *Chapter 57 of the Revised Laws of the Straits Settlement 1936*.¹⁷

Begitu juga bagi Negeri-negeri Tidak Bersekutu pula iaitu negeri Kedah, Johor dan Kelantan, diperkenalkan kanun yang dipanggil *Kedah Mohammedan Marriages (separation) Enactment 1913, 1932*, atau dikenali sebagai Undang-undang Syariah 1332H (1913M) dan juga *Syariah Court Enactment No. 109/1934*. Manakala bagi penduduk Kelantan pula dikuatkuasakan satu kanun yang dipanggil Notis Fasal Orang Islam Berkehendakan Berbini Dua. Tiga dan Empat 1914 yang kemudiannya ditambah dengan *The Notice on Matters Relating to Marriage, Divorce, Recohabition an Ta'lik 1915*. Kanun lain turut diperkenalkan pada tahun 1919 iaitu *Muhammadan Division of Property between Husband and Wife of 1919*.¹⁸

Apabila Inggeris menguatkuasakan undang-undang *Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment Chapter 197 of Revised Law of Federated Malay States*

¹⁶ Mahmood Zuhdi hj. Abd. Majid, Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, *Jurnal Syariah*, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, Julai 1995, Jil. 3, hlm. 208.

¹⁷ Ahmad Ibrahim, Ke Arah Penyelarasan Undang-undang Islam di Malaysia, *Jurnal Hukum*, Bil. V, Bhgn. II, 1987/1407 H, hlm.242. Lihat juga Hooker, op.cit., hlm.23.

¹⁸ *Ibid*

1935 ia lebih memusatkan kepada aspek-aspek pentadbiran seperti pendaftaran perkahwinan, perceraian dan rujuk serta sedikit hukum asas dalam perkahwinan. Ia bertujuan memudahkan British mengawal selia urusan kekeluargaan masyarakat Islam di samping cuba mengekalkan polisi tidak mencampuri hal-ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu sekadar tidak menghina amalan sedia ada.¹⁹

Bermula pada awal tahun 1950-an, tindakan pertama dijalankan dengan tergalunya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, Selangor 1952 yang mengandungi urusan penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor yang membantu Sultan dalam mentadbir perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat orang Melayu. Hak dan kuasa Majlis, peraturan mesyuaratnya, penubuhan Jabatan Agama Islam, pelantikan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa.²⁰

Penubuhan Mahkamah kadi dan Kadi Besar, pelantikan Kadi besar serta bidangkuasa Mahkamah dalam mendengar dan memutuskan kes-kes yang berlaku di antara orang Islam dinyatakan dalam seksyen 43 hingga seksyen 57. Manakala antara seksyen 58 hingga seksyen 93 pula diperuntukan peraturan perbicaraan jenayah dan perbicaraan Mal yang perlu diikuti di mahkamah.

Enakmen Pentadbiran 1952 ini juga memperuntukan perkara yang berkaitan dengan urusan wakaf dan pengurusannya, nazar, zakat, fitrah, punggutan khairat, hal-ehwal wang amanah, pengurusan masjid dan pelantikan pegawai-pegawainya yang dinyatakan dalam seksyen 94 hingga seksyen 118.

Aspek-aspek kekeluargaan diperuntukan tetapi tidak terperinci. Perkara yang dinyatakan meliputi urusan pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembubaran perkahwinan, harta sepencarian, penjagaan anak-anak, nafkah anak-anak dan isteri, anak sah taraf dan sebagainya. Ia diperuntukan dalam 25 seksyen sahaja iaitu seksyen 119 hingga seksyen 144. Kandungan Enakmen Pentadbiran 1952 ini sebenarnya lebih kepada mengabungkan berbagai-bagai undang-undang pentadbiran agama Islam. Dengan pewartaan Enakmen Pentadbiran 1952 ini maka ia telah menggantikan pemakaian kanun *Muhammadan Enactment* yang dikuatkuasakan.

¹⁹ *Islamic Law in South East Asia*, t.tp, Oxford University Press, 1984.

²⁰ Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya*, t.tp, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1975, hlm. 152-153

Penggubalan Undang-undang Pentadbiran ini telah dilaksanakan di negeri-negeri lain iaitu negeri Kelantan²¹, Terengganu²², Pahang²³, Pulau Pinang²⁴, Melaka²⁵, Negeri Sembilan²⁶, Kedah²⁷, Perlis²⁸ dan akhirnya Perak²⁹. Jika dikaji, peruntukan mengenai urusan perkahwinan di dalam Enakmen Pentadbiran 1952 sebenarnya hampir sama dengan peruntukan yang ada di dalam *Muhammadan Enactment*. Penggunaan ayatnya hampir sama kecuali perubahan kepada perkataan Pendaftaran dan Kadi sahaja. Contohnya:-

Enakmen Pentadbiran 1952	<i>Muhammadan Enactment</i>
<p><i>Any Kathi having jurisdiction In this behalf may receive from A married woman an application For the divorce known in Muslim Law as fasakh or for the divorce Known as cerai taalik.</i></p>	<p><i>Any Registrar may received from a married woman who has been the resident for at least four months in the locality within which he is appointed for the divorce known in Muhammadan law as fasaks or for divorce known as cerai taalik.</i></p>

Kedudukan Undang-Undang Islam

Perbincangan yang menyentuh kedudukan Islam dan undang-undangnya dalam Perlembagaan Persekutuan seringkali dimulakan dengan kekaburan mengenai Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Kepincangan ini bermula apabila mentafsirkan Islam

²¹ 1953

²² 1955

²³ 1956

²⁴ 1959

²⁵ 1959

²⁶ 1960

²⁷ 1962

²⁸ 1963

²⁹ 1965

adalah agama rasmi walhal di dalam Perlembagaan Persekutuan ia menyebut Islam adalah agama Persekutuan.³⁰ Malah tidak kurang juga yang berpandangan bahawa Perkara 3 tersebut hanyalah sekadar merujuk kepada amalan majlis-majlis rasmi sahaja seperti memulakan setiap majlis dengan bacaan doa sebagai contoh.

Tun Salleh Abbas dalam kes *Che Omar Che Soh v Public Prosecutor*³¹ telah memberi tafsiran yang betul kepada Islam berdasarkan buku *The Islamic Law and Constitution*³² tetapi telah menyempitkan aplikasi perkara 3 tersebut berdasarkan niat dan hasrat penggubal Perlembagaan. walaupun demikian Tun Salleh Abbas tidak memutuskan bahawa Negara ini adalah Negara sekular sebagaimana yang sering diujahkan, tetapi hanya sekadar mengatakan undang-undang yang terpakai adalah undang-undang sekular sebagaimana yang dibenarkan oleh Perkara 162 Perlembagaan Persekutuan. Mungkin kesilapan yang ketara di dalam penghakiman tersebut ialah menggunakan perkataan 'undang-undang sekular' yang mana sepatutnya digunakan perkataan 'undang-undang sedia ada' (*existing laws*).

Hakim Mohd Noor Abdullah dalam kes *Meor Atiqurrahman v Fatimah bt Sih*³³ pula berpendapat mengenai kedudukan Perkara 3 (1) seperti berikut:

"Ulasan pertama saya mengenai peraturan pakaian seragam sekolah ini ialah peruntukan pakain seluar pendek bagi murid lelaki dan pakaian pinafore tunic bagi murid perempuan di sekolah menengah adalah membelakangkan ugama Islam di mana yang dahulu dikemudiankan dan yang kemudian didahulukan dan tidak selari dengan Perlembagaan Persekutuan. Murid lelaki dikehendaki memakai seluar pendek tetapi diberi pilihan memakai seluar panjang. Murid perempuan pula dikehendaki memakai pinafore tunic dan blouse (skirt bagi tingkatan VI) tetapi diberi pilihan memakai baju kurung dan kain sarung atau tudung/mini telekung. Sepatutnya pakaian murid lelaki ialah seluar panjang dengan memberi pilihan memakai seluar pendek dan pakaian murid perempuan ialah baju kurung, kain sarung dan tudung/telekung dengan memberi pilihan memakai pinafore tunic dan blouse atau skirt. Dengan cara sedemikian peraturan pakain seragam ini akan selari dengan

³⁰ Article 3 (1) Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practiced in peace and harmony in any part of the Federation.

³¹ [1988] 2MLJ 55

³² Al-Maududi, Sayid Abdul A' ala The Islamic Law and Constitution.

³³ [2000] 5MLJ 375

Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi: Islam ialah agama bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”.

Pada pendapat saya, “Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai bermakna Islam adalah agama utama di antara agama-agama lain yang dianuti di Negara ini seperti Kristian, Buddha, Hindu dan selainnya. Islam bukan setaraf dengan agama lain, bukan duduk berganding bahu atau berdiri sama tegak. Ia duduk di atas, ia berjalan dahulu, terletak ditempat medan dan suaranya lantang kedengaran. Islam ibarat pokok jati-tinggi, teguh dan terampil. Jika bukan sedemikian Islam bukanlah agama bagi Persekutuan tetapi adalah salah satu di antara beberapa agama yang dianuti di Negara ini dan setiap orang sama-sama bebas mengamalkan mana-mana agama yang dianutinya, tiada lebih satu dari yang lain”.

Hakim Mohd Noor seterusnya berkata “*Saya percaya seandainya pembuat dasar di Kementerian Pendidikan sedar atau disedarkan tentang kaedah pakaian bagi orang Muslim dan mengutamakan Islam sebagai agama Persekutuan, Kementerian Pendidikan tidak akan mewajibkan pakaian seluar pendek bagi murid lelaki dengan pilihan seluar panjang atau mewajibkan pakaian pinafore tunic dan blouse bagi murid perempuan dengan pilihan memakai baju kurung dan kain sarung serta tudung/telekung. Peraturan pakaian seragam sekolah Bil 3/1983 tersebut adalah songsang dan tak selari dengan Perlembagaan”.*

Walaupun keputusan Hakim Mohd. Noor Abdullah diketepikan pada peringkat Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, namun pendekatan yang diambil dalam mentafsirkan Perkara 3(1) tidak disentuh atau dibatalkan oleh mahkamah tertinggi Negara.

Dato’ Abdul Hamid Mohammad dalam kes *Kamariah bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan*³⁴ pula menjelaskan bahawa Perlembagaan juga memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk mengkanunkan Hukum Syarak dalam perkara-perkara yang disebut dalam Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Akta

³⁴ [2002] 3MLJ 65,[2005] 1MLJ 197

Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 juga digubal selaras dengan kehendak Senarai II tersebut.

Kedudukan istimewa Islam sebagai agama yang paling dominant juga diiktiraf melalui Artikel 11 walaupun Artikel tersebut menyebutkan tentang kebebasan beragama. Ini dapat dilihat dalam klausa (1) dan (4):

(1) *“Tiap-tiap orang berhak mengganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Perkara (4), mengembangkannya,*

(4) *Undang-undang Negeri, dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal dan menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam”.*

Fasal (4) bertujuan untuk memberi kuasa kepada Negeri untuk membuat undang-undang yang dapat mempertahankan agama Islam dari dipengaruhi oleh ajaran atau amalan agama-agama lain.

Dengan lain perkataan, walaupun agama lain bebas diamalkan oleh penganutnya dalam Negara ini, mereka adalah dilarang dari menyebarkan ajaran agama mereka kepada umat Islam atas alasan Islam adalah agama bagi Negara ini dan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi berbanding agama lain.

Shad Saleem Faruqi³⁵ telah memperincikan ciri-ciri Islam di dalam Perlembagaan secara ringkasnya iaitu:

1. konsep sekular ditolak – implikasi mengambil Islam sebagai agama Persekutuan ialah Malaysia bukanlah sebuah Negara sekular. Sokongan kerajaan kepada agama Islam adalah dibenarkan dan kerajaan tidak diperlukan untuk berlaku sama rata dengan agama lain. Namun bagi mengatakan Malaysia adalah sebuah Negara Islam juga mungkin tidak tepat kerana undang-undang yang ada di dalam Negara bukanlah semuanya mematuhi kehendak hukum syarak. Lebih tepat jika dikatakan Perlembagaan Persekutuan adalah berbentuk *hybrid* yang menolak sistem sekular dan mempunyai beberapa ciri keislaman.

³⁵ *Document of Destiny the Constitution of the Federation of Malaysia*, Star Publication, Kuala Lumpur, 2008, hlm.a127.

2. Pendidikan-pendidikan Islam dan cara hidupnya boleh dipromosikan oleh kerajaan. Perkara 12(2) memberi keabsahan kepada Persekutuan dan Negeri untuk pembangunan dan kemajuan agama Islam dan membiayai tujuan-tujuan tersebut.
3. Institusi Islam – dana awam boleh digunakan bagi membangunkan institusi-institusi Islam, membina masjid dan surau serta penyelenggaraannya. Perkara ini tidak boleh dipersoalkan berbanding dengan penggunaan dana awam bagi kegunaan agama lain.
4. Mahkamah Syariah – perlembagaan membenarkan mahkamah syariah diwujudkan dan pegawai-pegawainya dilantik. Bidang kuasa mahkamah syariah dilindungi oleh Perkara 121(1A) daripada diganggu gugat oleh Mahkamah Sivil. Dalam hal sedemikian Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah tidak bersaing antara satu sama lain di dalam dwi-sistem perundangan Negara.
5. Orang Islam tertakluk kepada undang-undang syariah- semua orang Islam adalah tertakluk kepada perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Orang Islam tidak mempunyai pilihan selain ditadbir oleh undang-undang Islam tetapi orang bukan Islam tidak boleh dipaksa tertakluk kepada undang-undang Islam.
6. Menyebarkan agama bukan Islam di kalangan orang Islam dikawal – menyebarkan ajaran agama adalah hak yang dijamin oleh Perlembagaan namun Perlembagaan menghadkan penyebaran agama bukan Islam tidak boleh dilakukan kepada orang Islam. Oleh hal yang demikian sepuluh buah negeri³⁶ telah pun menggubal undang-undang Kawalan Penyebaran Agama Bukan Islam Di Kalangan Orang Islam.
7. Akhlak Islam – Enakmen negeri boleh digubal bagi mengawal perlakuan melanggar akhlak Islam.
8. Kesalahan Jenayah Syariah – kesalahan melanggar perintah agama Islam boleh diwujudkan walaupun hukumannya dikawal oleh Akta Bidang Kuasa Jenayah (Mahkamah Syariah) 1965.

³⁶ Melainkan Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

9. Perlembagaan Negeri – perlembagaan-perlembagaan negeri memperuntukan Raja hendaklah Bergama Islam.
10. Konsep Melayu – Orang Melayu hendaklah beragama Islam.
11. Institusi Islam – banyak institusi Islam ditubuhkan bagi memajukan agama Islam serta menegakkan syiarnya.
12. Amalan agama – amalan-amalan agama Islam dilakukan di jabatan-jabatan kerajaan dan majlis-majlis rasmi.
13. Perbankan Islam – system perbankan Islam dianjurkan dan diberi banyak keistimewaan.
14. Polisi Islam – banyak polisi berasaskan Islam dilakukan seperti Islam Hadhari dan sebagainya.

Undang-Undang Islam Membentuk Jati Diri Kebangsaan

Semasa Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri ke-4 beliau memperkenalkan Wawasan 2020. Semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-5 pula beliau memperkenalkan konsep Islam Hadhari bagi menjiwai pentadbiran beliau.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Perdana Menteri ke-6 pula memperkenalkan konsep 1Malaysia yang bermatlamat mengekalkan dan meningkatkan perpaduan dalam pelbagaian yang selama ini menjadi kekuatan Negara serta rakyatnya. Kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik untuk menghadapi sebarang cabaran.³⁷ Prinsip asas menjadi teras 1Malaysia ialah kenegaraan yang berakar umbi dari Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Ia juga mencakupi keadilan sosial.³⁸ Gagasan 1Malaysia ini yang berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan tidak meminggirkan kedudukan agama Islam dan undang-undangnya yang telah terjamin di dalam Perlembagaan Persekutuan. Semangat kontrak sosial juga hendaklah sentiasa dipelihara dalam setiap tindakan kerajaan di dalam melaksanakan gagasan ini. Ini adalah disebabkan Perlembagaan Persekutuan

³⁷ 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Jabatan Penerangan Malaysia, 2009.

³⁸ *Ibid*

adalah merupakan satu tolak ansur yang unggul dengan setiap kumpulan memberi sesuatu dan kembali mendapat sesuatu yang lain.³⁹

Manakala Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ke-7 pula memperkenalkan Wawasan kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) bagi memacu ekonomi negara membangun dengan cemerlang dan gemilang.

Kepelbagaian kaum dan etnik di Malaysia adalah ciri atau pola utama demografi di Negara kita. Menariknya, kepelbagaian ini yang disulami dengan kontrak sosial dan Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang rakyat untuk hidup secara harmoni dan bersatu padu.⁴⁰ Malah dalam upacara-upacara tertentu sudah tidak asing lagi masyarakat bukan Islam boleh menerima pelaksanaan amalan-amalan Islam dalam kehadiran mereka. Dalam aspek ekonomi pula perbankan Islam menjadi pilihan rakyat tanpa mengira ras dan agama.

Kini Kerajaan Pakatan Harapan mempelopori konsep Malaysia Baharu dan menguar-uarkan frasa '*Islam rahmatan lil alamin*' bagi menjadi panduan pentadbiran mereka berdasarkan kepada *maqasid al syariah*.

Sebenarnya apapun jenama yang digunakan paksi yang kukuh telahpun dipasak di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Salah satu struktur asas Perlembagaan Persekutuan adalah kedudukan istimewa Islam itu sendiri. Ia adalah suatu '*grundnorm of the society*' ataupun norma sejagat di dalam masyarakat Malaysia. Ia tidak boleh dihakis atau dipadamkan kerana ketua agama (Yang Di Pertuan Agong bagi Persekutuan dan negeri tidak beraja dan Raja Raja Melayu bagi negeri-negeri beraja) telah bersumpah dengan menggunakan nama Allah antara lainnya akan memelihara agama Islam pada setiap masa.⁴¹

Wawasan Kemakmuran Negara 2030

Adalah sebuah dokumen yang memaparkan iltizam Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang terus berkembang secara mampan dan diiringi pengagihan ekonomi yang adil, inklusif dan saksama pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik,

³⁹ Sultan Azlan Shah, *The Role of Constitutional Rulers in Malaysia*, Singapura, Oxford Press, 1998.

⁴⁰ Mohd Ayob Abd Razid, *Gagasan 1Malaysia Kesenambungan Bina Negara-Bangsa, Kementerian Penerangan dan Kebudayaan*, 2010, Kuala Lumpur, hlm.21.

⁴¹ Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan

wilayah dan rantai bekalan. Komitmen akan disalurkan ke arah pengukuhan kestabilan politik dan peningkatan kemakmuran negara. Pada masa yang sama, untuk memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan bangsa.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menggariskan 15 Prinsip Panduan iaitu:-

1. Kemakmuran berterusan
2. Kesaksamaan Keberhasilan
3. Pertumbuhan Saksama
4. Ekonomi Teragih
5. Keterangkuman
6. Masyarakat Peribelajar
7. Ekonomi Masa Depan
8. Pendekatan Ekonomi Keperluan
9. Ekonomi Politik Berinstitusi
10. Model Kesepaduan Sosial
11. Paksi Ekonomi Asia
12. Demokrasi dan Kestabilan
13. Integriti & Tadbir Urus yang baik
14. Perpaduan Dalam Kepelbagaian
15. Kedaulatan dan Kelestarian

Walaupun Prinsip panduan ini lebih kepada halatuju ekonomi namun isu kestabilan Integriti dan tadbir urus yang baik, perpaduan dan hendaklah iuga dijadikan panduan.

Ini disebabkan objektif WKB 2030 adalah untuk menstruktur semula ekonomi ke arah lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh, menangi jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan etnik pembangunan wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Penekanan dan/atau objektif WKB 2030 daptlah digariskan bersandarkan kepada tiga isu;

1. Pembangunan untuk semua - menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat;
2. Menangani jurang kekayaan & pendapatan - antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantai bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan; dan
3. Negara bersatu, makmur & bermaruah - menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Disifatkan sebagai hala tuju baru Malaysia, WKB 2030 diumumkan pada 18 Oktober 2018 di Parlimen oleh YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas.

WKB 2030 juga boleh dilihat sebagai komitmen sebuah negara untuk terus membangun seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Penekanan diberikan terhadap prinsip kesaksamaan keberhasilan (*equitability of outcomes*) dan bukannya kesaksamaan peluang (*equitability of opportunities*). Kumpulan sasaran dalam konsep kesaksamaan keberhasilan termasuk B40, miskin & rentan ekonomi, masyarakat dalam transisi ekonomi, masyarakat orang asli, bumiputera Sabah & Sarawak, orang kurang upaya (OKU), belia, wanita, kanak-kanak dan warga emas.

Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (decent standard of living) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030 dan menghendaki negara merubah modal ekonomi, menstruktur ekosistem perniagaan serta memperkasa dasar & perancangan sedia ada.

Perubahan yang dijangka dan akan dilaksanakan adalah berkaitan dengan pasaran buruh agar guna tenaga dapat ditransformasi untuk memenuhi keperluan pekerjaan berpendapatan tinggi dan perniagaan bernilai tinggi dan relevan dengan peredaran zaman.

Namun di dalam Bab 3 WKB pembinaan asas negara bangsa dizahirkan dengan jelas Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Pembentukan pasak negara bangsa mengambil kira etno-simbol anak watan Tanah Melayu semasa proses kemerdekaan.

Antara “grundnorm” yang telah dipersetujui dalam pembentukan pelantar integrase adalah penerimaan beberapa perkara asas yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- i] Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan (Perkara 3(1));
- ii] Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, namun Bahasa Ibunda Kaum lain boleh diajar dan digunakan (Perkara 152 (1));
- iii] Kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak diiktiraf, namun kepentingan kaum lain juga dilindungi (Perkara 153);
- iv] Kedaulatan Raja-Raja Melayu dijunjung (Perkara 181); dan
- v] Hak kewarganegaraan diberikan kepada mereka yang mempunyai kelayakan dibawah Perlembagaan Persekutuan (Bahagian III).

Manakala didalam Prinsip Panduan 12 keutuhan sempadan dan kedaulatan negara diperipentingkan bagi memastikan Malaysia kekal aman, Makmur dan stabil. Penekanan diberikan kepada aspek berikut:-

- 1] kedaulatan negara;
- 2] keselamatan negara;

- 3] kematangan rakyat;
- 4] pemikiran rasa tanggungjawab bersama; dan
- 5] keseimbangan hak dan tanggungjawab.

Walaupun WKB 2030 lebih condong kepada isu-isu ekonomi dan pembangunan negara ia tidak sekali-kali berhasrat untuk mengolah semula 'grundnorm' masyarakat. Kebergantungan kepada Perlembagaan Persekutuan serta sejarahnya masih dikekalkan malah diiktiraf. Namun begitu beberapa tindakan perlu diambil oleh pihak kerajaan dan rakyat untuk bersama-sama bangun dari sudut ekonomi dan kemakmuran malah mempertahankan kedaulatan watan dan jatidiri negara berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tindakan Proaktif

Suatu tindakan yang diambil atau ditinggalkan oleh kerajaan atau pihak berkuasa boleh disemak oleh mahkamah melalui suatu tindakan yang dinamakan semakan kehakiman. Permohonan perlu dibuat kepada Mahkamah Tinggi untuk permohonan semakan kehakiman ini.⁴² Mencabar suatu undang-undang yang bersifat tidak berperlembagaan pula perlu dibuat terus ke Mahkamah Persekutuan melalui Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan.⁴³ Namun begitu saya perhatikan remedi yang disediakan oleh undang-undang ini sangat jarang dipohon oleh individu atau badan Islam berbanding dengan golongan bukan Islam sekular dan pluralis.

Mungkin bagi individu dan badan Islam mereka lebih lunak berbahas di media sosial dan khalayak awam namun ia tidak menghasilkan natijah kerana tiada tindakan dapat diambil terhadap pihak kerajaan berbanding dengan jika terdapat perintah dari mahkamah yang menyatakan suatu tindakan atau tinggalkan kerajaan itu adalah tidak sah. Sudah sampai masanya individu dan badan Islam memantau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang tidak selari dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan memohon kepada pihak mahkamah bagi menentukan sama ada tindakan atau tinggalkan tersebut bertentangan dengan undang-undang atau sebaliknya.

⁴² Permohonan di bawah Aturan 59 Kaedah Mahkamah 2012

⁴³ Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan

Cadangan Penambahbaikan

Walaupun saya tidak bersetuju dengan pandangan yang menyatakan bahawa perundangan syariah merupakan perundangan kelas kedua berdasarkan kepada nukilan di atas. Namun begitu kita perlu akur bahawa masih terdapat ruang dan peluang bagi kita mengenalpasti dan membuat penambahbaikan kepada perundangan syariah di Malaysia agar pandangan tersebut lebih mudah dipatahkan.

Saya mecadangkan beberapa pendekatan diambil seperti berikut:

- a) Undang-Undang Tubuh Negeri haruslah dipinda supaya diletakkan penubuhan mahkamah Syariah di dalam Undang-undang Tubuh negeri-negeri. Ini adalah disebabkan penubuhan mahkamah sivil jelas terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu sebagai sebuah yaria negeri Mahkamah Syariah perlu ditubuhkan dan disebut di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri sebagaimana mahkamah sivil disebut dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan. Mungkin kita boleh mengambil dengan ubahsuaian tertentu peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang berkenaan untuk dimasukkan di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri-Negeri. Setakat ini hanya Negeri Terengganu sahaja yang sudah meminda Undang-Undang Tubuh mereka dengan memasukkan penubuhan mahkamah Syariah. Walaupun demikian sebutan penubuhan tersebut adalah terlalu umum.
- b) Bebaskan Hakim-Hakim Syariah dari kongkongan 'Pegawai Awam' dengan mewujudkan Akta/Enakmen sendiri. Berbeza dengan hakim-hakim di mahkamah sivil, hakim mahkamah syariah masih lagi merupakan 'pegawai awam' yang tertakluk kepada peraturan penjawat awam dan perjawatan. Oleh yang demikian kebebasan mereka masih boleh diragui kerana mereka masih perlu tunduk kepada pegawai atasan mereka. Kebebasan merupakan elemen penting badan kehakiman dan ia perlulah dizarhikan bagi memberi keyakinan kepada rakyat.
- c) Peruntukan latihan dan keanggotaan hendaklah diberikan keutamaan. Saya dapati peruntukan ini sangat kurang khususnya sejak sepuluh tahun

kebelakangan ini sama ada kepada mahkamah syariah, pendakwa syarie, penguatkuasa agama ataupun peguam syarie. Natijahnya kualiti kes-kes yang dibawa ke mahkamah menjadi rendah dan keadilan tidak dapat diperolehi kerana kekurangan latihan.

- d) Pinda Akta 355 dan memberikannya lebih kuasa kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk membuat undang-undang kesalahan jenayah yang hukumannya lebih tinggi dan tidak tertakluk kepada hukuman tradisi sahaja iaitu denda, penjara dan sebatan. Hukuman bersifat restoratif, mempunyai elemen pendidikan dan mengajar perlu juga diberikan kepada mahkamah syariah. Pada pandangan saya perlu ada bentuk hukuman yang bersifat menggerunkan bagi kesalahan-kesalahan yang besar seperti berkait aqidah, bagi kesalahan lain pula hukuman yang bersifat mendidik boleh dilaksanakan.
- e) Membuka ruang kepada mahkamah Syariah agar orang bukan Islam boleh diberi pilihan untuk menjadi pihak di Mahkamah Syariah. Ini seperti yang terdapat pada kes *Kaliammal a/p Sinnasamy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) & Ors [2012] 3 MLJ 694* (kes Mahkamah Rayuan Putrajaya). Ini adalah kerana terdapat beberapa kes yang mana orang bukan Islam mahu secara sukarela menyerahkan diri mereka ke dalam bidangkuasa mahkamah syariah walaupun mereka bukan Islam. Sebagai contoh dalam kes berkaitan waqaf yang melibatkan orang bukan Islam, hibah kepada orang bukan Islam ataupun status agama Islam seseorang yang melibatkan keluarga bukan Islam. Dalam keadaan-keadaan di atas terdapat orang bukan Islam yang bersedia diadili di mahkamah syariah tetapi undang-undang menutup pintu mahkamah syariah kepada mereka.

Penutup

Dari sudut undang-undangnya, pembinaan jati diri kebangsaan ini perlulah melihat kepada Islam terlebih dahulu. Sekiranya ia tidak bertentangan dengan Islam ataupun undang-undangnya maka ia boleh digarap menjadi jati diri kebangsaan

tetapi sebaliknya jika ia bertentangan dengan agama Islam dan kedudukannya maka sudah tentu ia menghakis sifat ketinggian perlembagaan itu sendiri. Keabsahan sesuatu tindakan yang tidak didasari oleh Perlembagaan Persekutuan yang mengangkat Islam pada kedudukan kedudukan yang istimewa boleh dipertikaikan. WKB 2030 tidak boleh dilihat sebagai membawa maksud semua agama berada di satu aras yang sama membentuk satu nilai yang setaraf. Begitu juga ia bukan membawa maksud kesemua rakyat Malaysia perlu menganuti satu agama sahaja. Apa yang lebih penting ialah kita melihat kepada kesamaan di dalam kepelbagaian itu. Pada masa yang sama, penulis berpendapat sudah sampai masanya generasi muda diberi peluang untuk memahami dan menghayati sejarah tanah air, kedudukan kontrak sosial dan undang-undang Islam dengan tepat. Kemungkinan dengan menekankan subjek sejarah tanah air sebagai subjek wajib bermula dari sekolah rendah sehingga ke Universiti, akan memberi kesan positif kepada generasi muda agar menghargai apa yang ada pada hari ini di samping mempertahankan jati diri kebangsaan sebagai anak Malaysia.

Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam pernah menyerahkan Tuntutan Pilihanraya Pertubuhan Islam menjelang Pilihanraya Umum ke 12⁴⁴ kepada semua parti politik yang bertanding di dalam pilihanraya tersebut yang antara lainnya menuntut :-

1. Mempertegasakan kesucian Islam dan menghormati kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan sepertimana yang diperuntukan di bawah Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan;
2. Mempertahankan kedudukan dan bidang kuasa mahkamah syariah sepertimana yang diperuntukan di bawah Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan dan Jadual kesembilan Perlembagaan;
3. Selaras dengan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menggubal dan melaksanakan undang-undang menghalang penyebaran agama bukan Islam di kalangan umat Islam;

⁴⁴ Dokumen Aspirasi Pertubuhan Pertubuhan Islam Malaysia Menjelang Pilihanraya umum ke 12.

4. Meningkatkan keupayaan dan keberkesanan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang Islam dalam menangani gejala maksiat dan salah laku moral; dan
5. Mempertegaskan bahawa Malaysia bukanlah negara sekular dan institusi agama Islam memainkan peranan penting dalam proses pembinaan Negara dan masyarakat.

Tuntutan NGO Islam arus perdana ini wajar diberikan perhatian yang mendalam oleh pihak berwajib di dalam mengagarap jati diri kebangsaan di negara kita. Tuntutan tersebut bukan sahaja mencakupi persoalan undang-undang tetapi juga banyak persoalan lain. Setiap rakyat Malaysia mestilah menerima Perlembagaan Persekutuan ini sebagai undang-undang utama dalam pembentukan jati diri kebangsaan. Di dalam menggarap jati diri ini kedudukan istimewa Islam mestilah diambil kira dan diberi pengiktirafan sewajarnya. Ia juga sejajar dengan sumpah Yang Dipertua Agung dan Timbalan Yang Dipertuan Agong ketika menaiki takhta yang berikrar akan mempertahankan Islam pada setiap masa. Dalam hal yang sedemikian seluruh jentera kerajaan dan rakyat Malaysia perlu menghayati sumpah ini dan menzahirkannya dalam setiap tindakan yang diambil agar tidak bertentangan dengan sumpah suci itu.

Rujukan

- Ahmad Ibrahim. 1979. *The Position of Islam in the Constitution, The Constitution of Malaysia: Its Development 1957-1977*. t.tp: Oxford University Press.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones. 1986. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. 1987. Ke Arah Penyelarasan Undang-undang Islam di Malaysia. *Jurnal Hukum*. Bil. V, Bhgn. Π.
- Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic Law in Malaya*. t.tp: Malaysian Soscialogical Research Institute Ltd.
- Che Omar Che Soh v Public Prosecutor*.
- Hooker, M.B. 1984. *Islamic Law in South East Asia*. t.tp: Oxford University Press.
- Hooker, M.B. 1976. *The Personal Laws Of Malaysia*. t.tp: Oxford University Press.
- Kamariah bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan*.
- Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid. 1995. Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya, Julai, Jil.3.
- Al-Maududi, Sayyid Abul A' ala. 1955. *The Islamic Law and Constitution*. Ahmad, Khurshid (pnyt.). Karachi: Jamaat-e-Islami Publications.
- Meor Atiqurrahman v Fatimah bte Sihi*.
- Mohd Ayob Abd Razid. 2010. *Gagasan 1Malaysia Kesenambungan Bina Negara-Bangsa*. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.
- Nurhidayah Hashim. 2006. *Perceraian Secara Fasaks di Malaysia*. Selangor: UPENA.
- Perkara 4A Perlembagaan Negeri Sarawak.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Rahmah v. Laton*
- Raja Azlan Shah. 1998. *The Role of Constitutional Rulers in Malaysia*. Singapura: Oxford Press.
- Shad Saleem Faruqi. 2008. *Document of Destiny the Constitution of the Federation of Malaysia*. Kuala Lumpur: Star Publication.
- Suzana Othman. 2008. *Ketuanan Islam Pertuanan Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur: Intan Spektra.
- Suzana Othman. 2008. *Menjejak Warisan Melayu Islam Beraja*. Kuala Lumpur: Intan Spektra.